

# Dunia Pelajar

## Pergerakan Pelajar-pelajar Islam Johor

Tertubuhnya Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor ataupun yang disingkatkan dengan nama “KPIJ” ini adalah hasil dari kesedaran beberapa golongan pelajar-pelajar Islam negeri Johor, kira-kira hampir empat tahun yang lalu, yang berkehendakkan satu pertubuhan yang tunggal serta kuat di kalangan pelajar-pelajar Islam Johor sendiri, bagi menjaga taraf, kepentingan dan kedudukan pelajar-pelajar Islam pada masa akan datang di tanah airnya sendiri. Juga sebab kesatuan ini ditubuhkan ialah kerana kuatnya keinginan masing-masing pelajar itu hendak mendapatkan fikiran dan persetujuan yang sama dalam mencapai XXX hal ehwal pelajar-pelajar senegeri.



Sebelum kesatuan ini ditubuhkan, keadaan pelajar-pelajar Islam negeri Johor tidaklah apa-apa ikatan yang boleh menyatukan fahaman dari segenap lapisan mereka yang sangat mustahak wujudnya bagi memelihara taraf mereka sendiri. Dengan keadaan yang demikian itu timbulah beberapa kelemahan yang tidak diatasi oleh mereka sendiri.

Berbeza benar dengan apa yang dapat diusahakan dan diatasi kesulitan dan kelemahannya oleh pelajar-pelajar asing yang sama-sama hidup dalam negeri kita ini sendiri.

Mereka itu bukan saja dapat menyatu paduan jumlah kawan-kawan mereka yang besar bilangannya itu. Bahkan mereka dapat tetap menguasai hak mereka daripada terlucut dan memelihara taraf mereka itu kekal menjadi subur dan berkembang. Tidak sedemikian halnya dengan pelajar-pelajar Islam Johor – pelajar-pelajarnya yang walaupun jumlahnya tidak kurang ramainya dari 40 ribu lebih, tetapi hal keadaannya terlalu menyediakan, terlalu sepi dan tidak mempunyai apa-apa

pendirian yang tetap, apatah lagi kekuatan, mereka hanyut dibawa arus tak dapat melihat daratan, seolah-olah sudah tidak ada lagi sesuatu yang menguntungkan bagi mereka sendiri. Mereka itu tidak dapat membela taraf pelajaran mereka sendiri, kedudukan mereka sendiri apatah lagi hendak mencuba menyuarakan suara mereka sendiri, mereka tidak dapat berbuat sebarang kemajuan, mereka walaupun ramai bilangannya seperti semut tetapi tidak boleh berbuat sekecil apa yang boleh dibuat oleh pelajar-pelajar asing yang serupa mereka juga kejadiannya.

KPIJ, atau Kesatuan Pelajar Islam Johor, yang bolehlah dikatakan muda ini sedang cuba dengan sedaya upaya menyeru kepada segenap pelajar sekolah-sekolah kerajaan dan rakyat, penduduk-penduduk dan surau-surau, yang berbahasa Melayu dan Inggeris, yang berbahasa daerah dan Arab, yang berselerak di sekotah-sekotah negeri Johor ini supaya tahu dan mengerti menghargai suara dan tenaga

mereka, KPIJ cuba berusaha menyatu padukan dan memimpin mereka ke arah hidup dan beramal, KPIJ kepada mereka adalah berharap supaya mereka memandang Kesatuan ini sebagai badan yang menyuarakan segala kepentingan yang mengenai urusan mereka sebagai seorang pelajar dalam bilik pelajaran, sebagai seorang saudara atau sahabat dalam bertolong bantu, sebagai seorang khadam dalam masyarakat dan sebagai seorang hamba kepada TuhanYa.

Dengan demikian, susunan perjalanan Kesatuan ini adalah dilunaskan atas dasar perlembagaan sendiri yang tidak berkait kepada mana-mana pertubuhan yang lain pun, supaya tiap-tiap ahlinya bebas berfikir, berusaha dan berkhidmat secukup-cukupnya menurut garisan-garisan yang diredhai.

Dalam pada itu Kesatuan ini tidaklah terlalu berangan-angangkan sesuatu yang mustahil dapat dilakukan, dan demi kesedaran, kalaular kiranya segenap lapisan orang-orang Islam lelaki dan perempuan di dalam negeri ini suka mengambil faham betapa mustahaknya Kesatuan ini ada di antara pelajar-pelajar Islam, dan mereka suka membantu, mendorong, menasihat dan memberi sokongan kerjasama maka tidak terlalu awal kita katakan: Bahawa pelajar-pelajar yang ada sekarang inilah penyambung usaha yang sedia ada hari ini, pendokong cita-cita murni dan pelaksana rancangan yang terbengkalai. Pupuslah segala yang dirancangkan itu kami pelajar-pelajar disekat, dimomokkan, ditindas, dan dicurigai usahanya oleh mereka-mereka yang masih terlalu kuat memainkan perasaan sentiment dari peringkat ketua, ibu bapa kami sendiri, manakala kami cuba bergerak menjalankan tugas Kesatuan ini. Kadang kala kami merasa sedih dan pilu hati mengenangkan diri: mengapa kami masih mau dicurigai secara melulu dan tidak mendapat pimpinan.

Sungguh pun beberapa usaha yang merupakan jangka pendek Kesatuan ini telah dapat diusahakan terus menerus, tetapi masa yang boleh dikatakan begitu panjang, Kesatuan ini sepatutnya sudah bergerak begitu lancar. Tetapi kerana kesulitan dan rintangan yang sentiasa saja ada dalam gerak-geri kami, soal yang sukar sekali untuk diatasi yang menyekat perkembangan dan kesuburan Kesatuan ini secara pesat, jadi – sama ada diingini atau tidak, akhirnya menjadi soal terpaksa diutamakan pula. Kesatuan ini selama ini terpaksalah lebih banyak menumpukan tenaga memberi faham secukup-cukupnya kepada tiap-tiap bakal pendorong ahli kesatuan ini. Bahawa Kesatuan ini memang tak diberi kesempatan untuk digunakan menjadi gelanggang menyemai apalagi membiakkkan babit asmara dan Kesatuan ini juga bukanlah Kesatuan yang mau dan rela menceburkan dirinya ke dalam gelanggang politik atau mau menerima pengaruh dari mana-mana badan politik. Kami menyedari dan kami menginsafi itu adalah malapetaka yang Maha Besar kepada kami dan Kesatuan ini kalau diberi kesempatan kedua perkara itu mencelah, sebagaimana yang telah dinyatakan harapan KPIJ di atas itu, maka kami jadikan juga KPIJ ini sebagai salah satu saluran utama dalam mencapai cita-cita kerana mau jadi manusia dan berdiri di barisan manusia yang berguna di masa depan dan dalam pada itu kami yang sebenarnya ialah golongan yang ingin mendapat pimpinan dari segenap peringkat, serta mendapat bantuan dari segala segi dan kami adalah dari golongan yang ingin membuat persediaan bakti, jadi kalau tidak demikian pengertian yang jelas kami berikan tentang hakikat ini, maka keadaan Kesatuan kami ini akibatnya adalah buruk jadinya daripada apa yang ada sekarang ini.

## **Usaha dan Kepercayaan**

Dalam menjalani tugas yang menjadi salah satu tujuan Kesatuan ini, iaitu mengajak dan menggalakkan ahli-ahlinya supaya mengamalkan ilmu pengetahuan dan ajaran-ajaran Islam di semua lapisan, yang sesuai dan bertepatan dengan dasar dan kehendak rancangan pembangunan luar bandar kerajaan, maka Kesatuan ini telah mengadakan juga beberapa majlis perujian al-Qur'an dan tafsirnya sekali yang dianjurkan atas nama beberapa buah Kesatuan ini (cawangan Kesatuan ini) membawalah kepada pusat, ini adalah sebagai satu usaha dan langkah permulaan hendak cuba sama-sama menyembahkan derma bakti kepada ramai yang sekira-kira layak dengan kedudukan kami sebagai

Sudah terbit!

Pengajian

### **KESAH PELAYARAN**

#### **ABDULLAH MUNSHI**

*di-susun sa-mula oleh:*

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

*Di-chitak dan di-terbitkan oleh:*

QALAM,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

pelajar dan sesuai dengan dasar dan pendirian

Kesatuan ini. Dalam pada itu pihak Kesatuan ini mengadakan juga beberapa syarahan agama yang diketuai oleh pucuk pimpinan Kesatuan ini, seperti di majlis-majlis maulid, di masjid-masjid, di surau-surau, juga beberapa kali melalui corong radio, Singapura, Malaya terutamanya, kerana Kesatuan ini telah mendapat kepercayaan dari pihak tersebut, juga telah mendapat kebenaran daripada pihak jabatan agama, dalam memberi syarahan agama di masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negeri Johor. Atas kepercayaan itu sangatlah kami hargai dan kami junjung tinggi, moga dengan kepercayaan itu dan apa segala yang dapat kami usahakan adalah akan menjadi amal soleh, amal jariah yang berkekalan serta diredayai Allah.

Perhimpunan Persidangan Agung Pelajar-pelajar Islam

Johor kali yang keempat, telah diadakan di bangunan Kesatuan Guru-guru Melayu Batu Pahat, selama dua hari dan tiga malam berturut-turut, mulai malam 6 Januari hingga 8 Januari 1962 yang lalu.

## **Harapan dan Pandangan**

Adalah satu perkara yang tidak boleh dinafikan, bahawa dengan bertukarnya masa setahun ke setahun, maka bertambahlah pula pengorbanan tenaga dan wang ringgit dari gerak-geri dalam langkah mengendalikan tugas Kesatuan ini dalam menuju ke arah yang dicita-citakannya. Adalah sangat mendukacitakan seluruh ahli dan peminat Kesatuan ini kalau menghadapi tahun 1962 akan datang Kesatuan ini kecewa sekali lagi dalam melaksanakan tujuan dan cita-citanya yang menjadi impian dan harapan

seluruhnya terutama pelajar-pelajar Islam Johor sendiri.

Memandangkan hal ini dan kebanyakannya ahli-ahli Kesatuan

ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang mendapat pelajaran

rendah dan belum dapat berfikir secara meluas dan

memandang jauh tentang keadaan masyarakat hari ini terutamanya

mengenai nasib dirinya sendiri oleh keadaan pelajaran

yang diterimanya dan keadaan umurnya masih rendah, maka

kepada seluruh pelajar yang seperingkat dengan saya dan

kepada muka-muka pengasas Kesatuan ini dulu yang masih

banyak lagi di dalam negeri Johor ini, saya mengambil

kesempatan menyeru sudi apakah kiranya dapat menyingsirkan

kepentingan diri buat sementara waktu dan sama-sama

menunjukkan muka dan menghadirkan diri ke perhimpunan

agung kali ini bagi sama-sama membimbang dan menyusun



**Gambar Kenang-kenangan**

Gambar ini ialah gambar kenang-kenangan bagi ahli-ahli jawatankuasa syarahan Madrasah al-Khayriyah al-Islamiyyah, Still

Road (Singapura) yang diambil oleh mereka pada pertengahan bulan Januari yang lalu (malam Sabtu 12.1.62).

Turut sama bergambar di sini mudir madrasah tersebut, iaitu Ustaz Syed Ibrahim (lihat yang bertanda dengan pangkah

di kakinya). Gambar ini dikirimkan oleh saudara Abu Bakar Bachik

semula gerak langkah Kesatuan yang dicintai ini.

Dalam menjalani tahun 1962 Kesatuan ini haruslah mengubah seribu langkah dan mengatur seribu cara kalau ianya mau benar-benar mendapat tempat di hati pelajar-pelajar Islam seluruhnya terutama pelajar-pelajar Islam Johor sendiri dan mau dapat perhatian yang hangat dari masyarakat Islam seluruhnya.

Dalam menuju ke arah itu dan menjayakan beberapa rancangan besar Kesatuan ini dan yang tidak dapat dijayakan pada tahun-tahun yang lepasnya seperti hendak membangunkan asrama pelajar-pelajar, mengeluarkan derma pelajaran tinggi untuk ahlinya dan beberapa rancangan lain yang mengiringnya seperti hendak menerbitkan lebih banyak lagi risalah-risalah agama dan sambil bekerjasama dengan badan-badan yang sealiran dengannya ke arah memupuk dan memberi sokongan kepada perkembangan umum di lapangan pelajaran, kebudayaan agama dan lain-lain kepada masyarakat umum, maka yang terutama pucuk pimpinan kesatuan ini perlu sekali bergerak dan menjalankan tugas masing-masing serta memberi kerjasama yang erat kepada bahagian dan cawangan-cawangan seluruhnya dengan memberikan arahan-arahan yang tertentu, terutama pada mendapatkan mata kewangan yang berjumlah sepuluh sen pada tiap-tiap seorang ahli.

Memandangkan kepada bilangan pelajar-pelajar Islam Johor yang melebihi angka 40 ribu itu, suku sahaja daripada bilangan tersebut yang menjadi ahli Kesatuan ini, itu sudah mempunyai harapan besar boleh dapat menjayakan satu dua rancangan yang telah disebutkan itu, apa lagi kalau pucuk pimpinan yang baru ini nanti bijak pandai orangnya dan mau berusaha pada mendapatkan beberapa punca kewangan yang boleh didapati kalau mau berusaha dan meminta kerana menjayakan rancangan-rancangan tersebut.

Dengan apa yang telah disebutkan dan dengan usia Kesatuan

ini yang sudah lebih kurang empat tahun itu serta dengan tugas yang diantaranya ganjil itu, maka nyatahal Kesatuan ini sekarang adalah menumpukan segala pengharapan pada tahun-tahun yang akan dating, iaitu apa yang tidak dapat dilihat jasa baktinya pada tahun-tahun yang lepas ini mudah-mudahan akan dapat ditebus pada tahun yang mengiringinya saja, iaitu dengan berkat kerjasama yang erat seluruh pegawai Kesatuan ini daripada pusat membawa kepada bahagian dan cawangan dan penuh sokongan dan dorongan segenap lapisan bangsa kami sendiri.

Itulah doa dan harapan saya selama ini

“Hidup Islam”

(Demikian antara lain kandungan siaran Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor).

#### BUKU2 RUMI

*Pendidikan	...	...	...	\$1.20
*Akhlak	...	...	...	1.20
*Surat Menyurat	...	...	...	1.50
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang				2.00
Penglipor	...	...	...	1.50
Panduan Pekedai2 Kechil				0.70
Balek Dari Medan Perjuangan				1.00
*Jalan ka-Kota Baharu				1.50
Keris Sempena Riau	...	...	...	1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	...	...	...	1.50
Sisa Neraka Dunia	...	...	...	1.00
Buku A.B.C (buku bacaan) di-dalamnya				
tiga warna				
*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah				
Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.				

#### QALAM

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.